

NOVEL

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Jalan ke Puncak* oleh Juri Durabi
- (ii) *Meniti Impian* oleh Osman Ayop
- (iii) *Jejak MONPUS* oleh Zulaiha Paikon
- (iv) *Darah Titik di Semantan* oleh Arman Sani

Praktis 1

Persoalan merupakan isu-isu penting yang cuba digarap oleh penulis dalam sesebuah novel bagi menjayakan tema cerita tersebut.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan **tiga persoalan** yang dapat anda kesan.

[10 markah]

Laiman gigih berusaha mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan sendiri walaupun berkelulusan ijazah kejuruteraan.	
Laiman telah menunjukkan semangat setia kawan yang tinggi dengan turut membantu anak-anak muda yang lain dengan membuka peluang pekerjaan dan mengubah mentaliti mereka.	
Laiman begitu berani menceburi bidang pertanian dan enggan makan gaji walaupun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian	
Laiman tidak memikirkan soal cinta sebelum mencapai kejayaan	
Bapa Milan boleh mengambil barang-barang di kedai seorang taukeh Cina secara berhutang. Milan juga pernah bekerja di kebun kelapa taukeh itu.	
Nenek dan abang Laiman sanggup berkorban demi Laiman. Nenek Laiman telah mengeluarkan wang yang banyak untuk pengajian Laiman. Abang Laiman pula sanggup menanggungkan perkahwinannya kerana wangnya digunakan untuk perkahwinan Laiman.	

Pilih dan padankan persoalan di bawah dengan huraian yang betul dalam ruangan di atas.

Persoalan keberanian menceburi bidang pertanian

Persoalan sikap mengutamakan kerjaya sebelum bercinta

Persoalan kegigihan mengejar cita-cita

Persoalan hubungan yang baik antara kaum

Persoalan semangat setia kawan

Persoalan pengorbanan untuk keluarga